

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN**

**YB TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai perpustakaan mengikut kategori di setiap negeri serta kakitangan dan waktu yang berkhidmat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, sehingga September 2020, terdapat sejumlah 13,231 buah perpustakaan yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti berikut:

- (i) 1 Perpustakaan Negara;
- (ii) 1,439 Perpustakaan Negeri yang meliputi Perpustakaan Negeri, Wilayah, Cawangan/Daerah, Pekan/Komuniti, PBT, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Bergerak;
- (iii) 5 Perpustakaan Komuniti;
- (iv) 678 Perpustakaan Khusus yang meliputi Jabatan/Agensi Persekutuan, Badan Berkanun dan Agensi Swasta; dan
- (v) 11,108 Perpustakaan Akademik yang meliputi Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Universiti/Kolej Swasta, Pusat Sumber Sekolah KPM dan Sekolah Swasta.

2. Daripada jumlah tersebut, statistik jumlah perpustakaan yang berada di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ialah:

- (i) 1 Perpustakaan Negara;
- (ii) 1 Perpustakaan Awam Negeri (Negeri Perlis);
- (iii) 5 Perpustakaan Komuniti; dan
- (iv) 512 Perpustakaan Desa.

Sekian, terima kasih.